

# POTENSI PENINGKATAN PASARAN KERJA DI TERENGGANU

Rahman Bee A. Mohamed Sheriff, Mariana Mat Deris, Siti Noraida Mohd Uder @ Shuhaimi, Ahmad Rejab Zaini, Amirul Syazwi Mohd Assri, Nurisyuhadah Ishak

**Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)**

## ABSTRAK

Pengangguran merupakan isu global yang memberi kesan besar terhadap pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Negeri Terengganu tidak terkecuali daripada cabaran ini, walaupun memiliki sektor ekonomi yang berkembang seperti minyak dan gas, pelancongan, serta pertanian. Berdasarkan laporan terkini, kadar pengangguran bagi tahun 2024 di Terengganu mencatatkan penurunan berbanding tahun sebelumnya. Namun Terengganu adalah antara empat (4) negeri yang mempunyai kadar pengangguran yang tinggi. Beberapa dasar dan polisi Terengganu telah disediakan bertujuan mengurangkan kadar pengangguran, seperti Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS) 2030, Pelan Strategik PMINT, dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG8). Inisiatif kerajaan seperti penubuhan T-HRDC, program keusahawanan, dan ekonomi digital turut diketengahkan sebagai langkah memperkuuh pasaran buruh di negeri ini. Artikel ini diharapkan dapat memberi gambaran menyeluruh mengenai isu pengangguran di Terengganu dan satu kajian sedang dijalankan oleh ILMIA bagi membantu dalam merangka strategi yang lebih efektif untuk menangani permasalahan ini.

**Kata kunci:** Pengangguran, pasaran kerja, dasar kerajaan, pembangunan ekonomi, Terengganu



## PENGENALAN

Pengangguran merupakan isu global yang memberi impak besar terhadap pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Isu ini berlaku apabila individu yang berupaya dan bersedia untuk bekerja tidak mendapat pekerjaan yang bersesuaian. Berdasarkan Laporan Sosioekonomi Negeri Terengganu 2023, penganggur adalah individu atau golongan yang tidak bekerja dan telah dikelaskan kepada dua (2) kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif. Penganggur aktif adalah golongan yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Penganggur tidak aktif ialah mereka yang tidak mencari kerja kerana pelbagai sebab, seperti yakin ada kerja tetapi tidak mencarinya, tidak mempunyai kelayakan, mengalami masalah kesihatan, terjejas oleh cuaca, atau sedang menunggu jawapan permohonan kerja. International Labour Office (ILO) telah mendefinisikan standard pengangguran adalah berdasarkan tiga (3) kriteria yang perlu dipenuhi secara serentak iaitu tidak mempunyai pekerjaan, bersedia untuk bekerja dan sedang mencari pekerjaan.

Pengangguran yang tinggi boleh menyebabkan masalah sosial, meningkatkan kadar kemiskinan, dan menjelaskan pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri atau negara. Di Malaysia, setiap negeri menghadapi cabaran pengangguran yang berbeza bergantung kepada jenis ekonomi, peluang pekerjaan yang ada, dan faktor demografi. Isu pengangguran di Terengganu sering menjadi perhatian kerana negeri ini bergantung kepada sektor tertentu seperti pelancongan, petroleum, dan perikanan. Walaupun kerajaan negeri telah mengambil pelbagai langkah untuk merangsang ekonomi dan menyediakan peluang pekerjaan, masalah pengangguran masih berterusan. Pengangguran bukan sahaja memberi kesan kepada individu, tetapi juga menjelaskan pembangunan ekonomi dan sosial negeri. Kehilangan pendapatan boleh menurunkan taraf hidup penduduk, manakala sektor perniagaan dan industri akan menghadapi kekurangan tenaga kerja yang sesuai.




Oleh itu, memahami isu ini dengan lebih mendalam amat penting bagi merangka penyelesaian yang berkesan. Artikel ini akan membincangkan statistik pengangguran dan migrasi, statistik kekosongan jawatan dan pembangunan dasar dan polisi kerajaan bagi negeri Terengganu.


## STATISTIK PENGANGGURAN DAN MIGRASI BAGI NEGERI TERENGGANU

Berdasarkan **Pocket Stats Negeri Terengganu 2024** oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), **kadar pengangguran di Terengganu** menurun kepada 3.5 peratus pada tahun 2024 (2023: 4.6%). Mengikut statistik utama siswazah iaitu pada tahun 2023 jumlah siswazah adalah seramai 167.7 ribu (2022: 158.6 ribu) dengan jumlah yang telah bekerja seramai 123.5 ribu bagi tahun 2023 (2022: 118.2 ribu). Di samping itu juga jumlah siswazah yang menganggur pada tahun 2023 seramai 5.0 ribu (2022: 5.8 ribu). Oleh itu, **kadar pengangguran siswazah di Terengganu** menurun kepada 3.9 peratus pada tahun 2023 (2022: 4.7%).

**Rajah 1: Kadar Pengangguran  
Tenaga Buruh di Terengganu (%):**



**Rajah 2: Kadar Pengangguran  
Siswazah di Terengganu (%):**




Sumber: Pocket Stats Negeri Terengganu 2024 (terbitan Februari 2025), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)




Menurut **Laporan Survei Migrasi 2022** oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), **migran dalam negeri** mencatatkan sedikit penurunan kepada 47.1 peratus berbanding 47.3 peratus pada 2020, manakala **migran antara negeri** meningkat daripada 48.4 peratus kepada 52.9 peratus. **Tiada migran antarabangsa** direkodkan pada 2022 berbanding 4.3 peratus pada 2020. Antara destinasi utama migrasi rakyat Terengganu pada 2022 ialah Negeri Sembilan (1.1 ribu orang), Pahang (0.6 ribu orang), dan Selangor (0.4 ribu orang), menunjukkan kecenderungan penghijrahan ke negeri-negeri lain di Malaysia.

**Rajah 3: Peratusan Migran dalam kalangan rakyat Terengganu:**



**Negeri-negeri destinasi Migrasi Rakyat Terengganu (2022)**



Sumber: Laporan Survei Migrasi 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



## STATISTIK KEKOSONGAN JAWATAN BAGI NEGERI TERENGGANU

### 1. JOB MARKET INSIGHT (JMI)

Pada tahun 2023, **bilangan kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian** di Terengganu mencatatkan sedikit penurunan kepada 4,463 jawatan berbanding 4,573 jawatan pada tahun 2022.



**Rajah 4: Lima (5) Kekosongan Jawatan Tertinggi Mengikut Aktiviti Ekonomi di Terengganu:**

	Perdagangan Borong dan Runcit/Baik Pulih Kenderaan Bermotor dan Motosikal	321
	Pembinaan	169
	Pembuatan	149
	Sektor Kewangan dan Insurans/Takaful	140
	Aktiviti Penginapan dan Perkhidmatan Makanan	138

Sumber: Job Market Insight (JMI) 2023, ILMIA, DOSM



## 2. MYFUTUREJOB

Merujuk kepada **Terengganu Quick Facts Employment Insurance System** daripada PERKESO iaitu dalam tempoh tiga tahun sehingga 27 Disember 2024, **kadar pengangguran di Terengganu** kekal sebagai keempat tertinggi dalam kalangan negeri di Malaysia. Bilangan kekosongan jawatan yang diiklankan di portal MYFutureJobs di negeri ini mencatatkan penurunan kepada 18,418 pada tahun 2024. Permintaan pekerjaan tertinggi di Terengganu ialah daripada sektor perdagangan borong dan runcit, diikuti oleh insurans dan takaful, pendidikan, serta perkhidmatan pentadbiran dan sokongan. Jumlah pencari kerja meningkat dari 20,067 pada tahun 2022 kepada 20,181 pada tahun 2023, namun kembali berkurang kepada 18,733 pada tahun 2024.

**Rajah 5:** Jumlah pencari kerja yang telah berdaftar di bawah sistem MYFuture Job di Terengganu dalam tempoh 3 tahun kebelakangan adalah tidak konsisten iaitu bertambah dari tahun 2022 ke 2023 dan berkurang pada tahun 2024.



**Rajah 6:** Jumlah pencari kerja yang telah berjaya mendapatkan penempatan berdasarkan jawatan yang dipohon.



Sumber: MyFutureJobs, 2024, PERKESO



Kerajaan negeri telah memperkenalkan pelbagai dasar dan polisi bagi merangsang pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan peluang pekerjaan. Antaranya adalah:

### i. Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS) 2030

Satu inisiatif menyeluruh yang bertujuan untuk memacu pembangunan ekonomi, sosial, dan infrastruktur negeri dengan tumpuan kepada kesejahteraan rakyat. Melalui pelan ini, kerajaan negeri merancang untuk meningkatkan peluang pekerjaan melalui pembangunan ekonomi holistik dan pengurangan kadar pengangguran kepada 3.0 peratus menjelang tahun 2030.

### ii. Pelan Strategik Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)

PMINT telah merangka pelan strategik bagi meningkatkan sektor perindustrian dan keusahawanan negeri. Inisiatif ini termasuk pembangunan kawasan perindustrian baharu serta program sokongan kepada usahawan tempatan bagi memperkuuh ekosistem perniagaan dan menjana lebih banyak pekerjaan.

### iii. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) - Decent Work and Economic Growth

Terengganu memberi tumpuan kepada penciptaan pekerjaan yang berkualiti dan adil bagi rakyat. Inisiatif ini menekankan hak pekerja, gaji yang setimpal, serta peningkatan peluang latihan dan kemahiran untuk memastikan tenaga kerja yang lebih berdaya saing. Sasaran SDG8 adalah bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan berkekalan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang sesuai untuk semua. SDG8 meliputi 16 indikator di peringkat global dan enam indikator telah tersedia di peringkat negeri bagi tahun 2023.



#### iv. Pelan Induk Kerajaan Digital Pintar Terengganu

Kerajaan Negeri Terengganu giat mendigitalkan sektor awam dan swasta bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan serta merancakkan ekonomi digital. Inisiatif ini merangkumi automasi pekerjaan, latihan kemahiran digital, dan promosi ekonomi gig sebagai sumber pendapatan alternatif. Agenda Pendigitalan Negeri Terengganu selaras dengan gagasan kerajaan untuk menjadikannya negeri digital pintar yang mampan melalui tiga komponen utama: Insan, Platform Digital, dan Produk Digital. Dalam usaha membangunkan dan mengekalkan bakat tempatan dalam teknologi digital, kerajaan negeri turut membuka peluang melahirkan Jurutera Bertauliah AI di Taman AI Terengganu.



INISIATIF KERAJAAN TERENGGANU
PENUBUHAN T-HRDC
PENGANJURAN KARNIVAL KERJAYA
KERJASAMA DENGAN SYARIKAT SWASTA
PELANCARAN SISTEM MAKLUMAT PEKERJAAN AKAR UMBI (S@MPAI)
PROGRAM USAHAWAN BELIA SEJAHTERA (UBES)
PELAKSANAAN PROGRAM ‘OUTREACH’ DAN PEMETERAIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)

Sumber:

- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Terengganu, 2024;
- Portal Rasmi Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu, 2024;
- Bernama, 2024.



## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, isu pengangguran di Terengganu masih menjadi cabaran utama walaupun kadar pengangguran menunjukkan trend penurunan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Kebergantungan kepada sektor tertentu, penghijrahan tenaga kerja ke negeri lain, serta ketidakseimbangan antara peluang pekerjaan dan bilangan pencari kerja terus mempengaruhi pasaran buruh di negeri ini. Namun, pelaksanaan pelbagai inisiatif seperti Pelan Induk Terengganu Sejahtera 2030, strategi pembangunan industri oleh PMINT, serta pendigitalan ekonomi membuktikan komitmen kerajaan negeri dalam merangsang pertumbuhan ekonomi dan memperluaskan peluang pekerjaan. Oleh itu, usaha berterusan daripada kerajaan, majikan dan industri pendidikan amat penting untuk memastikan pasaran buruh di Terengganu berkembang pesat dan memastikan padanan kemahiran yang bertepatan dapat dicapai supaya kadar pengangguran terus menurun dan pertumbuhan ekonomi negeri kekal mampan.

## RUJUKAN

DOSM (2024), Poket Stats ST4 2024, Siri 3 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia.

<https://cloud.stats.gov.my/index.php/s/eubJPUFwzNRsF2Y#pdfviewer>

DOSM (2023), Laporan Survei Migrasi 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia.

<https://www.dosm.gov.my/portal-main/census-surveys-list/labour-force-social-statistics>

DOSM (2024), Laporan Sosioekonomi Negeri Terengganu 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia.

<https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/state-socioeconomic-report-2023>



DOSM (2024). Indikator Matlamat Pembangunan Mampan (SDG Indicators), Terengganu 2023. Jabatan Perangkaan Malaysia. Diterbitkan pada Disember 2024. <https://www.dosm.gov.my/portal-main/article/sustainable-development-goals>

Portal Rasmi Institusi Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA). <https://www.ilmia.gov.my/index.php/en/>

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Terengganu. <https://www.terengganu.gov.my>

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). (2024). Terengganu Quick Facts. <https://lmx.perkeso.gov.my>

ILO, (2012), Towards the right to work, A Guidebook for Designing Innovative Public Employment Programmes, International Labour Office. <https://www.ilo.org/resource/report>

Majlis Tindakan PITAS (MTP). (2021). Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS2030). Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS). <https://pitas2030.terengganu.gov.my/>

Majlis Tindakan PITAS (MTP). (2021). Pelan Induk Kerajaan Digital Pintar Terengganu 2021-2030, <https://pitas2030.terengganu.gov.my/penerbitan-pitas/>

Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). (2022). Pelan strategik PMINT 2022-2026. Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. <https://www.pmint.gov.my>

